

30 OCT 2003

Mahathir-Cabaran/I

DR MAHATHIR GESA RAKYAT M'SIA BANGKIT UNTUK HADAPI CABARAN

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Sehari sebelum persaraannya sebagai Perdana Menteri yang disandanginya selama 22 tahun, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menggesa setiap rakyat Malaysia bangkit untuk menghadapi cabaran yang muncul selain menjadi warganegara yang bertanggungjawab.

"Jika kita menjayakannya, tidak ada sebab mengapa kita tidak dapat terus berjaya dan menjadikan negara ini sebagai model kepada dunia untuk mencontohi Malaysia Boleh," katanya semasa berucap di Dewan Rakyat hari ini bagi membentangkan usul mengenai kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan Rakyat.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia mesti bersedia untuk menghadapi segala cabaran yang muncul.

Bagi pihak kerajaan, kata Dr Mahathir, akan menyediakan barisan kepimpinan serta sumber-sumber yang diperlukan.

"Kerajaan akan mengadakan rundingan intensif dalam merangka strategi untuk menghadapi cabaran baru yang muncul atau sebelum ia muncul," kata Perdana Menteri.

"Rakyat pula, mesti terus bersatu dan menyokong sepenuhnya semua langkah yang diambil oleh kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata sepanjang menjadi Perdana Menteri beliau gembira kerana rakyat Malaysia bersatu ketika berhadapan dengan krisis.

Beliau berkata ciri-ciri unik rakyat Malaysia ini mesti dikekalkan dengan apa cara sekalipun.

"Ia (ciri-ciri rakyat Malaysia) tidak patut dikorbankan atas kepentingan diri atau oportunitis politik," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MFJ MFJ LAT